

29/10/1997

Pasaran saham dunia runtuh (HL)

NEW YORK, Selasa - Pasaran saham di seluruh dunia runtuh berikutan kejatuhan bursa saham Asia dengan Bursa Saham New York menjunam pada paras paling teruk semalam sejak 'Black Monday' sedekad lalu.

Kejatuhan 554.26 mata atau 7.2 peratus Indeks Perusahaan Dow Jones kepada 7,161.15 mata semalam adalah peratus penurunan terbesar sehari selepas kejatuhan lapan peratus pada 26 Oktober 1987, yang dianggap sejarah hitam dalam pasaran modal dunia ketika itu.

Berikutan kejatuhan di Wall Street itu, bursa saham utama lain di seluruh dunia turut mengalami padah yang sama apabila dibuka hari ini.

Bursa Saham Tokyo susut 4.3 peratus; Hong Kong 13.7 peratus, Kuala Lumpur 6.6 peratus, Singapura 7.6 peratus, Bangkok 6.2 peratus, Jakarta 9.1 peratus, Sydney 7.2 peratus dan Seoul 6.6 peratus.

Pembukaan dagangan di beberapa bursa Eropah hari ini juga meneruskan arah aliran menurun dengan London, Frankfurt dan Paris masing-masing jatuh 8.31 peratus, 9 peratus dan 9.1 peratus.

"Ramai kini sudah menyedari kebenaran dalam apa yang diperkatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini mengenai spekulasi dan manipulasi di kedua-dua pasaran mata wang dan saham.

"Kenyataan yang mulanya dianggap tidak munasabah kini mula diterima akal," kata penganalisis di Inter-Pacific Securities, Danny Ooi, yang dipetik oleh sebuah agensi berita antarabangsa.

(Sementara itu pada pembukaan hari ini, Indeks Perusahaan Dow Jones menjunam lagi hampir 190 mata pada sejam pertama urusan niaga, sebelum melonjak semula 123.03 mata kepada 7,284.18 mata pada jam 10.30 pagi - 11.50 malam waktu Malaysia)

Penganalisis di New York pula menyifatkan kejatuhan teruk di Wall Street semalam seharusnya menyedarkan pentadbiran Bill Clinton bahawa sebarang masalah serius ekonomi yang melanda negara Asia boleh merebak dan menjejaskan bursa saham lain, termasuk di Amerika Syarikat sendiri.

Berikutan kejatuhan besar di Wall Street semalam, pentadbiran Clinton dilaporkan mengkaji semula strategi yang diambil sebelum ini berhubung krisis kewangan yang melanda Asia kerana ia meninggalkan kesan di seluruh dunia.

Sebelum ini, ketika Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mencadangkan pakej bantuan kewangan berjumlah AS\$17.2 bilion (RM58.1 bilion) bagi menyelamatkan ekonomi Thailand, AS tidak menjadi penyumbang tunai walaupun terbabit dalam rundingan itu.

Pentadbiran Clinton menganggap krisis kewangan di Thailand masalah serantau yang perlu ditangani terlebih dulu oleh Jepun dan kuasa utama ekonomi Asia lain, seperti ketika AS mengetuai pakej menyelamatkan ekonomi Mexico tidak lama dulu.

Namun, kejatuhan teruk di Wall Street semalam mendorong pegawai pentadbiran Clinton memikirkan semula strategi bagi menangani krisis kewangan di Asia.

Ini terbukti apabila Setiausaha Perbendaharaan, Robert Rubin minggu lalu mencadangkan AS berfungsi lebih aktif (dalam menangani krisis kewangan di Asia), menerusi IMF dan institusi antarabangsa lain. - Agensi

(END)